

17/11/1997

Semua pihak sokong Dr Mahathir

Sut

SEMUA golongan menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ahli politik sama ada daripada Barisan Nasional (BN) atau pembangkang, secara terbuka atau senyap, menyokong Dr Mahathir. Ada yang membuat kenyataan akhbar dan ramai yang hanya memujinya sama ada ketika berbual dan tidak kurang bercakap sendiri di dalam hati.

Boleh dikatakan semua peringkat masyarakat daripada kalangan politik, korporat, badan bukan kerajaan (NGO), menyokong Dr Mahathir.

Yang kita hendak timbulkan di sini ialah sokongan rakyat Malaysia seluruhnya kepada Dr Mahathir. Mereka memberi kekuatan kepada Dr Mahathir supaya mempertahankan kedaulatan negara dan tegas menghadapi krisis ekonomi, perdagangan dan pelbagai eksploitasi perindustrian.

Ada juga yang kita dengar berdoa di rumah, malah mungkin tidak kita ketahui pelbagai lagi ikhtiar dilakukan untuk menyokong Dr Mahathir.

Dalam pergaulan kita pada peringkat bawah, kita melihat sokongan kepada Dr Mahathir memang hebat sama seperti kenyataan yang diberikan dan tersiar di pelbagai akhbar di negara ini. Malah boleh dikatakan sokongan peringkat bawah, jauh lebih hebat.

Dua hari lalu, di sebuah kedai kopi, teh tarik, sambil kita minum kita sempat mendengar beberapa orang yang sedang minum di sebelah yang menceritakan bagaimana kagumnya dia kepada kepimpinan Dr Mahathir.

Mengikutnya, sukar baginya hendak menyatakan kekaguman dan sokongannya itu kerana dia hanya rakyat biasa.

Dia tidak boleh membuat kenyataan dan menghantar kepada akhbar kerana atas nama perseorangan, kenyataan yang seperti itu tentulah tidak disiarkan.

Ada banyak berita masyarakat yang lain lebih mustahak. Hujahnya itu dipersetujui oleh temannya yang lima orang dan dua orang daripadanya bertali leher.

Sebenarnya ada banyak lagi hal yang disebutnya secara terperinci mengenai Dr Mahathir.

Sebelum itu, pada satu hari, kita menaiki teksi di Kuala Lumpur. Pemandunya berusia kira-kira 40-an. Kita masuk saja teksinya, dia terus bertanya, apakah kerja kita?

Pada mulanya kita tergamam juga kerana maklum sajalah persoalan kerja adalah persoalan peribadi.

Apabila dia nampak kita agak kurang senang dengan soalnya itu, dia terus menerangkan:

"Encik janganlah terkejut. Sebenarnya saya ingatkan encik bekerja di surat khabar. Kalau encik bekerja di surat khabar, kita ingin menyatakan sokongan kita kepada Dr Mahathir melalui akhbar." Dia kemudiannya bercerita bagaimana dia dan seluruh keluarganya menyokong Dr Mahathir.

Suatu hari di sebuah hotel, kita duduk minum sambil menunggu seseorang yang akan kita temui.

Sementara minum kita mencuri-curi dengar perbualan orang di sebelah meja yang memuji-muji Dr Mahathir.

Temannya itu tiba agak lewat sedikit. Dia rupa-rupanya ada temu janji yang lain dengan orang lain. Dia bawa sekali temannya bertemu kita.

Kami duduk minum. Kalau tadi saya hanya sendirian. Kini sudah menjadi lima orang. Tidak ada yang lain yang kami bualkan petang itu melainkan mengenai Dr Mahathir. Mengikut teman itu, seorang haji, "Saya sebelum ini tidak pernah berdoa kepada seorang pemimpin khusus seperti saya berdoa

kepada Allah melanjutkan dan memberikan kesihatan kepada Dr Mahathir'.

Tambahnya: "Kalau umur manusia ini boleh dipindah-pindahkan, saya reda memberikan sebahagian daripada umur saya yang masih berbaki ini kepada Dr Mahathir. Bayangkanlah kalau setiap rakyat Malaysia dapat memberikan satu jam daripada umurnya yang terbaik kepada Dr Mahathir."

Hujahnya itu kemudiannya disokong oleh teman kami yang berbangsa India dan Cina itu: "Saya pun suka memberikan satu jam daripada umur saya untuk Dr Mahathir. Dan saya kira ramai lagi rakyat Malaysia bersetuju dengan kita."

Ada banyak lagi cerita mengenai orang yang menyokong Mahathir. Sokongan mereka itu adalah sokongan tanpa sebarang kepentingan peribadi.

(END)